



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 2 OKTOBER 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MALAYSIA PLAYS HOST TO 45th ASEAN MEETING ON AGRICULTURE AND FORESTRY, NATION, KWONG WAH YIT POH -A4a	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	COOPERATION BETWEEN MEMBERS WILL BE THE KEY AGENDA OF AMAF WHICH BEGINS ON TODAY, NATION, CHINA PRESS -A4	
3.	CHAN FOONG HIN: FAMA ADDING ANOTHER 1,100 ONNES OF RICE SUPPLY, NATIONAL, nanyang siang pau -a1	
4.	CHAN FOONG HIN: SUPPLY OF LOCAL RICE HAS STABILISED, NATION, CHINA PRESS -A4	
5.	BEKALAN BPT KEMBALI STABIL: CHAN, TEMPATAN, HARIAN EKSPRESS (KK) -2	
6.	AGRICULTURE MINISTRY: POSTER WHICH SHOWS MAT SABU'S HELATH ADVICE IS FAKE, NATION, CHINA PRESS -A4	
7.	SITUASI KEKURANGAN BERAS PUTIH MAKIN REDA: TIMBALAN MENTERI, LOKAL, HM -18	
8.	KE MANA HILANG?, MUKA DEPAN, BH -1	
9.	'PENGILANG ENGGAN BUNGKUS BPT 10kg HANYA UNTUNG 50 SEN', NASIONAL, BH -4	
10.	'PEGAWAI KPKM JARANG TINJAU MASALAH RANTAIAN PENGELUARAN', NASIONAL, BH -5	
11.	'TIADA BELIAN PANIK REDAKAN SITUASI', NASIONAL, BH -5	
12.	PERLUASKAN TANAMAN PADI KE SABAH, SARAWAK, FORUM, UM -31	
13.	ISU BERAS: CARI PENYELESAIAN BERDAYA TAHAN, KALIS CUACA, DALAM NEGERI, UM -8	
14.	BERAS RM1 LARIS, SELESAI EDAR HANYA SETENGAH JAM, DALAM NEGERI, UM -8	
15.	APABILA BERAS TIADA, DALAM NEGERI, UM -2	
16.	SASAR 40,000 ANJING TERIMA VAKSIN, SETEMPAT, HM -19	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
17.	OWNERS ARE URGED TO PROVIDE THEIR PETS WITH RABIES VACCINATION, NATION, KWONG WAH YIT POH -A4b	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Malaysia plays host to 45th ASEAN Meeting on Agriculture and Forestry		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	02 Oct 2023	Color	Black/white
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A4a	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	57 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 268
Frequency	Daily	PR Value	RM 804



大马成第45届AMAF东道主 深入讨论东盟农业倡议合作

【布城 1 日讯】从明日起至 6 日在吉隆坡召开的第 45 届农林业东盟部长级会议 (AMAF)，预计将深入讨论成员国之间的农业倡议和合作。

此外，对话伙伴也参与讨论，以落实去年上届会议已接纳的东盟可持续农业指南。

农业及粮食安全部今天发文告说，部长拿督斯里莫哈末沙布将为会议主持开幕，与会者来自汶莱、柬埔寨、印尼、寮国、缅甸、菲律宾、新加坡、泰国及越南的正副农业部长。

它指出，我国上一次是在 2013 年主办农林业东盟部长级会议，以及东盟与中日

韩三个战略对话伙伴的农林业部长级会议 (A-MAF+3)。

“这项会议是东盟成员国讨论和提出本区域农业及森林相关课题的平台。它也成为部门机构的保护伞，以提出更具体的重点，涵盖农业其他元素及范畴。”

农林业东盟部长级会议是自 1968 年开始，在东盟农业领域合作框架之下召开的定期会议，由东盟 10 国轮流举办，以关注农业和森林业，包括商品和食品次领域。

本年度的农林业东盟部长级会议主题为“共同成长：推动东盟农林业可持续发展”。#

Headline	Cooperation between members will be the key agenda of AMAF which begins on today		
MediaTitle	China Press		
Date	02 Oct 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A4	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	105 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,071
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,213



今起農林業東協部長級會議 料深入討論成員國合作

（布城1日讯）从明日起至6日在吉隆坡召开的第45届农林业东协部长级会议（AMAF），预计将深入讨论成员国之间的农业倡议和合作。

此外，对话伙伴也参与讨论，以落实去年上届会议已接纳的东盟可持续农业指南。

农业及食品安全部今天发文告说，部长拿督斯里莫哈末沙布将为会议主持开幕，与会者来自汶莱、柬埔寨、印尼、寮国、缅甸、菲律宾、新加坡、泰国及越南的正副农业部长。

它指出，我国上一次是在2013年主办

农林业东协部长级会议，以及东协与中日韩三个战略对话伙伴的农林业部长级会议（AMAF+3）。

“这项会议是东协成员国讨论和提出本区域农业及森林相关课题的平台。它也成为部门机构的保护伞，以提出更具体的重点，涵盖农业其他元素及范畴。”

农林业东协部长级会议是自1968年开始，在东协农业领域合作框架之下召开的定期会议，由东协10国轮流举办，以关注农业和森林业，包括商品和食品次领域。

本年度的农林业东协部长级会议主题为“共同成长：推动东协农林业可持续发展”。

Headline	Chan Foong Hin: Fama adding another 1,100 tonnes of rice supply		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	02 Oct 2023	Color	Black/white
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A1	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	112 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 848
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,545



陈泓缣：抢购潮平息 追加供应1100吨米

(吉隆坡 1 日讯) 农业及粮食安全部副部长陈泓缣表示，联邦农业销售局 (FAMA) 营运中心每月分发多达 400 公吨本地白米，并通过所有该局网络，并同意追加 1100 公吨白米供应量，因此国内白米已有足够的供应。

他指出，本地白米的恐慌抢购潮已近乎不复存在，对比本周与过去的情况，本地白米供应不足的问题正在改善，市场白米供应恢复稳定。

他表示，主要是对比上周，消费者和贸易商没有出现恐慌性购买。

他今天主持 2023 年世界狂犬病日庆祝活动后指出，该部和联邦农业销售局已采取各种措施，来应对白米抢购潮问题。

当被问及是否有“幕后黑手”利用本地白米短缺牟利时，陈泓缣重申，这个问题不应政治化。

“国内贸易和生活成本部开展了数百次行动，不存在此类性质的不当或违规行为。”

Headline	Chan Foong Hin: Supply of local rice has stabilised		
MediaTitle	China Press		
Date	02 Oct 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A4	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	269 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,306
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,918



本地白米供應復穩

陳泓縑：搶購情況不再



■陈泓縑（左）在大会上发表演说。

（吉隆坡1日讯）农业及食品全部副部长陈泓縑指出，随着本周本地白米供应恢复稳定，相信抢购白米风潮的情况将会消失。

他指出，与上周相比，消费者和贸易商，都没有在出现恐慌性购买的情况。

他说，联邦农业销售局营运中心，已经每月分发多达400公吨的本地白米，并透过所有该局的网络，另外分发1100公吨，以满足公众的需要。

陈泓縑今日出席世界疯狗症日后，这么指出。

谈及本地白米短缺一事，背后是否有人在操纵时，陈泓縑说，这个问题不应政治化。

他说，国内贸易和生活成本

部开展了数百次行动数据显示，不存在此类性质的不当行为或违规行为。

他说：“我们应该把精力投入到更具体的问题上，例如更有效率物流、配送和本地白米库存。”

另一方面，副部长说，政府今年的目标是为砂拉越多达4万只宠物接种疯狗症疫苗，以遏制疾病的传播。

陈泓縑指出，截至9月7日，该州共有2万7668只宠物已成功接种疫苗。

他说，自2017年至今，砂拉越疯狗症病例涉及949只动物，而同期感染人类的病例达72例，并造成65人死亡。”

同时，他透露，遏止疾病传播的预防措施包括鼓励宠物主人自愿登记注射疯狗症疫苗，并对宠物进行绝育。

Headline	Bekalan BPT kembali stabil: Chan		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	02 Oct 2023	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	2	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	139 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 738
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,215



Bekalan BPT kembali stabil: Chan

KUALA LUMPUR: Stok beras putih tempatan (BPT) di pasaran kembali stabil pada minggu ini berbanding minggu lepas, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Chan Foong Hin (**gambar**).



Beliau berkata keadaan positif itu berikutan kurangnya pembelian panik oleh pengguna dan peniaga.

“Saya mendapati di pusat operasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) telah mengedarkan sebanyak 400 tan metrik sebulan beras tempatan dan tambahan 1,100 tan metrik lagi bagi agihan melalui semua jaringan FAMA bagi menampung keperluan,” katanya.

Chan berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Sambutan Hari Rabies Sedunia 2023 di sini pada Ahad.

Ditanya mengenai kemungkinan ‘tangan ghaib’ yang mengambil kesempatan dalam isu kekurangan beras putih tempatan, beliau menegaskan isu berkenaan tidak perlu dipolitikkan dan menerusi raturan operasi bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mendapati tiada sebarang kesalahan dan penyelewengan berlaku.

“Kita sepatutnya mencurahkan tenaga untuk isu yang lebih spesifik seperti isu logistik, pengagihan dan stok beras tempatan yang lebih efisien dan efektif,” katanya. – Bernama

Headline	Agriculture ministry: Poster which shows Mat Sabu`s health advice is fake		
MediaTitle	China Press		
Date	02 Oct 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A4	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	100 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,973
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,918



農業部：海報是假的 末沙布指吃太多白米變胖？

(吉隆坡1日讯) 农业及食品安全部长办公室澄清，社媒广传部长莫哈末沙布叫民众根据需求购买白米，并指吃太多白米会变胖的海报是假的。

农业及食品安全部长办公室发文告指出，已经针对此事向大马通讯及多媒体委员会投报，以便当局能采取进一步行动。

“民众受促事先检查内容的真实性，以免被刻意编造的诽谤所欺骗。”

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/10/2023	HARIAN METRO	LOKAL	18

Situasi kekurangan beras putih makin reda: Timbalan Menteri

Kuala Lumpur: Isu bekalan beras putih tempatan (BPT) yang membelenggu rakyat sejak bulan lalu dilihat semakin reda minggu ini berbanding sebelumnya melalui usaha peruntukan 1,500 tan metrik beras berkenaan di pasaran.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Chan Foong Hin berkata, usaha itu dilakukan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) yang mengedarkan 400 tan metrik BPT sebelum menambah 1,100 tan metrik lagi bekalan itu.

Menurutnya, pengagihan beras berkenaan disalurkan melalui semua jaringan Fama termasuk pu-

“Tetapi (saya) menegaskan situasi minggu ini berbanding minggu lalu trend isu ini dilihat semakin reda”

sat operasi dan premis pengusaha di bawah bimbingan agensi berkenaan.

“(Saya) tidak nafikan dari semasa ke semasa kita masih menerima aduan di pasar raya dan kedai. Mungkin (penyelesaian isu bekalan) tidak sempurna lagi kerana bekalan dalam masa satu hari bukan terlampau banyak (diagihkan) dan dihabiskan dalam masa cepat.

“Tetapi (saya) menegaskan situasi minggu ini berbanding minggu lalu trend isu ini dilihat mulai semakin reda kerana (salah satu sebabnya) pembelian panik (tidak berlaku) kerana sudah dibeli (sebelum ini),” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Sambutan Hari Rabies Sedunia 2023 di Hospital Veterinar Kuala Lumpur Cheras di sini, semalam.

Sementara itu, mengenai memecahkan monopoli padi dan beras yang dikuasai Padiberas Nasional Bhd (Bernas), Chan berkata, setakat ini lesen import (AP) beras masih kekal dengan syarikat konsesi itu sehingga kini.

4TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/10/2023	BERITA HARIAN	MUKA DEPAN	1

Wadah Pembaharuan

BH
BeritaHarian

Diterbit sejak 1957 www.bharian.com.my

Ke mana hilang

Isu kekurangan bekalan beras putih tempatan (BPT) di pasaran yang menjadi rungutan pengguna dikaitkan dengan faktor penghalang dan ketirisan dalam rantaian pengeluaran iaitu daripada pesawah, pengilang, pemborong dan peruncit. **BH** menyorot setiap rantaian pengeluaran beras negara dan kemungkinan wujudnya ketirisan, 'tangan ghaib' atau manipulasi pihak tertentu sehingga ia memberi kesan dari segi bekalan dan harga pasaran.

Oleh Suraya Ali → Nasional 4, 5

Faktor gangguan bekalan BPT

- Keengganan kilang memproses beras tempatan kerana keuntungan yang amat kecil apabila dijual pada RM26 bagi kampil 10kg.
- Pengilang gagal mematuhi kuota memproses BPT sebanyak 20 peratus kerana menumpukan kepada pengeluaran beras import yang lebih tinggi harganya.
- Faktor orang tengah apabila restoran dan peniaga bermodal besar membeli BPT secara pukal.
- Pada peringkat peruncit ke pengguna, kekurangan BPT dikaitkan dengan tindakan kilang menukar kampil BPT kepada beras putih import (BPI) untuk mengaut keuntungan.
- Ketirisan BPT di sempadan negara juga menyumbang kepada kekurangan bekalan beras.

Isu kekurangan bekalan beras

'Pengilang enggan bungkus BPT 10kg, hanya untung 50 sen'

Faktor orang tengah turut menyumbang krisis berpanjangan

Oleh Suraya Ali
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Isu kekurangan bekalan beras putih tempatan (BPT) dalam pasaran masih dikatakan sehingga ada yang mengaitkannya dengan pelbagai faktor penghalang dan ketirisan dalam rantaian pengeluaran.

Persoalan yang membelenggu pengguna apabila pihak yang terbahit dalam industri pengeluaran beras iaitu dari pesawah, pengilang, pemborong dan peruncit hingga sampai kepada pengguna, dilihat saling menyalahi antara satu sama lain.

BH menyorot setiap rantaian pengeluaran beras negara dan di manakah kemungkinan wujudnya masalah ketirisan, 'tangan ghaib' atau manipulasi pihak tertentu sehingga memberi kesan dari segi bekalan dan harga pasaran.

Bagi Persatuan Pengilang Beras Melayu Malaysia (PPBMM), dilema yang dihadapi ialah kebanyakan pengilang enggan menanggung kerugian disebabkan kos pengeluaran BPT yang dibeli daripada pesawah dan pembebeli juga tinggi.

Presiden PPBMM, Mohamad Termizi Yop mendedahkan, ini kerana kos pengeluaran BPT kini mencecah RM2,800 satu tan sehingga menyukar pekilang menjual pada harga RM26 sekampit yang dikawal kerajaan.

"Kenaikan harga padi pada Ogos lalu mencecah RM1,700 hingga RM1,800 setiap tan dan apabila diproses harga beras boleh mencecah sehingga RM2,800 satu tan," katanya kepada BH.

Data Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) menyatakan, keperluan beras negara ialah 2.5 juta tan setahun dan 62 peratus atau 1.55 juta tan daripadanya adalah BPT, 27 peratus atau 675,000 tan diimport, manakala selebihnya adalah beras jenis lain seperti pulut, wangi dan basmathi yang juga diimport.

Termizi menambah, bagi

Eksklusif

setiap satu tan padi yang diproses, biasanya hanya 50 peratus menghasilkan beras, kecuali di Selangor yang menghasilkan peratusan padi kepada beras mencapai 65 peratus.

Satu lagi faktor halangan ialah apabila kilang gagal memenuhi kuota memproses BPT sebanyak 20 peratus kerana ia tidak menguntungkan, sebaliknya menumpukan kepada pengeluaran beras import yang lebih tinggi harganya.

Difahamkan, pihak berkuasa memperuntukkan kuota 20 peratus pengeluaran BPT kepada setiap kilang bagi memastikan beras tempatan bersubsidi terus berada di pasaran.

Pada peringkat pengilang dengan pemborong pula, ada yang enggan membungkus BPT disebabkan keuntungan yang diperolehi amat kecil.

Minat bungkus beras import
Pengerusi Persatuan Beras Bumiputera Malaysia (BARIM) Zon Selatan, Khalil Ahmad, mengakui segelintir pekilang enggan membungkus BPT.

"Bagi sekampit beras tempatan dengan berat 10 kilogram (kg) yang dijual pada harga RM26, mereka hanya memperoleh keuntungan sekitar 50 sen," katanya.



Keperluan beras negara ialah 2.5 juta tan setahun menurut data BERNAS. (Foto hiasan)

Bellau berkata, situasi itu membuatkan pemborong dan peruncit lebih berminat membungkus beras import yang harganya jauh lebih tinggi pada waktu ini.

"Rata-rata sekarang harga beras import di pasaran adalah antara RM39 hingga RM45 untuk pek 10kg.

"Yang kritikal nanti apabila bekalan BPT sudah stabil dan pada masa sama harga beras import akan turun apabila permintaannya berkurangan, jadi kerajaan disyor beri subsidi bagi menampung kos pengeluaran BPT, iaitu sekitar RM4 bagi setiap kampak beras 10kg," katanya.

Khalil juga mengakui faktor orang tengah turut menjadi punca kekurangan BPT apabila ada di antaranya membeli secara pukal.

"Ada persatuan restoran dan peniaga yang bermalah besar yang membeli secara pukal terus dari kilang. Masalahnya, mereka beli BPT yang sudah kurang bekalan mereka terus dari kilang dan dengan itu bekalan BPT tidak sampai kepada pengguna atau golongan sasaran," katanya.

Selain itu, katanya ketirisan BPT di sempadan negara juga menyumbang kepada kekurangan bekalan beras.

Pada peringkat peruncit ke pengguna pula, sumber mendedahkan kekurangan BPT di pasaran juga dikaitkan dengan tindakan kilang menukar kampak BPT kepada beras putih import (BPI) untuk mengaut keuntungan.

"Pengilang beli beras bukan

RANTAIAN PENGELUARAN BERAS TEMPATAN



macam pengguna yang dah siap pek, mereka yang asingkan gred dan bungkuskan beras.

"Pengguna pula tidak tahu bezakan gred beras, mereka hanya melihat pada label bungkus sahaja," katanya.

Semua pihak tuding jari

Sementara itu, Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Prof Datuk Dr N Marimuthu, mahu pihak berkaitan menjelaskan ke mana pergi BPT yang sering didakwa tidak mencukupi.

Bellau mempersoalkan siapa yang bercakap benar dalam isu kekurangan BPT.

"Kalau BERNAS kata sudah tingkatkan kapasiti pengeluaran, mengapa kilang beras kata tidak ada bekalan mencukupi, jika banyak beras (BPT) yang dihasilkan, mengapa pengguna masih menghadapi masalah mendapatkan bekalan BPT dengan harga yang ditetapkan" katanya.

Bellau berkata, apa yang berlaku pada masa ini ialah semua pihak menuding jari antara satu sama lain.

"Tidak kira siapa cakap apa, berapa banyak dikeluarkan oleh pihak mana, hakikatnya bekalan BPT sukar didapati di pasaran, siapa yang boleh selesaikan masalah ini.

"Penguat kuasa kena lebih teliti, lebih proaktif. Wujudkan kerjasama antara bahagian Kawal Selia Padi dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), turun padang dan semak semua tempat bukan pergi lihat di kilang berdaftar.

"Mereka (kartel) buat kerja takkan buat di kilang rasmi," katanya.

Selain itu, Marimuthu tidak menolak kemungkinan berlaku ketirisan BPT di sempadan.

"Di negara jiran, Thailand harga beras lebih mahal, mungkin ada ketirisan di mana-mana, mereka kena pantau dan lebih berdisiplin," tegasnya.

Kenaikan harga padi pada Ogos lalu mencecah RM1,700 hingga RM1,800 setiap tan dan apabila diproses harga beras boleh mencecah sehingga RM2,800 satu tan

Mohamad Termizi Yop,
Presiden
PPBMM

Ada persatuan restoran dan peniaga bermalah besar beli BPT yang sudah kurang bekalan mereka terus dari kilang dan dengan itu bekalan BPT tidak sampai kepada pengguna

Khalil Ahmad,
Presiden BARIM
Zon Selatan

Tidak kira siapa cakap apa, berapa banyak dikeluarkan oleh pihak mana, hakikatnya bekalan sukar didapati di pasaran

N Marimuthu,
Presiden FOMCA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/10/2023	BERITA HARIAN	NASIONAL	5

Isu kekurangan bekalan beras

'Pegawai KPKM jarang tinjau masalah rantai pengeluaran'

Kewujudan kartel turut disangkal, hanya BERNAS monopoli pasaran

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Putrajaya: Kurang koordinasi antara pengurusan tertinggi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dengan pihak pembekal, pengeluaran dan pesawah didakwa antara faktor kekurangan beras putih tempatan (BPT).

Pengurusan tertinggi KPKM juga didakwa kurang berinteraksi dengan peringkat bawah rantai pengeluaran makanan sehingga wujud masalah bekalan berkenaan.

Bekas Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata beliau mendapat laporan daripada petani dan pesawah yang mendakwa pengurusan KPKM jarang turun ke lapangan.

"Kalau kita jarang turun ke lapangan, ambil tahu proses di bawah, kita tidak akan tahu apa sebenarnya yang berlaku. Sebab itu saya nasihatkan pengurusan tertinggi kementerian, turunlah

Eksklusif

ke bawah, pusing satu negara, itu yang paling penting.

"Apabila kita tak jaga dia (penanam, pengeluaran), dia tak jaga kitalah. Makna jaga itu ialah kita ambil tahu apa masalah mereka," katanya.

Ahmad berkata, masalah kekurangan bekalan tidak seharusnya berlaku kerana Malaysia adalah pengeluar 67 peratus BPT, selain negara memiliki stok kembali bekalan itu di lapan lokasi di seluruh negara yang boleh menampung untuk tempoh empat hingga lima bulan.

Katanya, beliau terkejut dengan isu kekurangan bekalan beras di Malaysia kerana ia tidak pernah berlaku sebelum ini.

"Saya terperanjat selama ini tak pernah berlaku dan sepatutnya kementerian kena buat pemeriksaan dan audit semua temp pengeluaran beras.

"Maknanya pengeluaran kita tak putus, dengan jumlah pengeluaran 67 peratus cukup untuk memberi kepada orang tempatan kerana mereka yang mewah selalunya beli beras import dan tak pernah bekalan kurang," katanya.

Ditanya sama ada wujud pembabit dalam atau kartel yang menyebabkan isu itu berlaku,

Ahmad berkata, tidak pernah timbul isu berkenaan ketika beliau berada di kementerian terdahulu.

"Kami buat pemantauan, maknanya kalau ada kekurangan, kita sudah tahu lebih awal dan kita atasi segera, rakyat pun tak tahu (berlaku kekurangan)," katanya.

Masalah dalaman

Bekas Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Zainal Azman Abu Seman, pula berkata isu dalaman yang tidak diselesaikan secara tuntas antara faktor memberi kesan kepada pengeluaran padi serta beras tempatan.

Katanya, masalah dalaman itu antaranya membabitkan isu petani tua, mekanisasi, pengairan, penggunaan benih padi serta infrastruktur.

Beliau berkata, masalah itu sudah dikesan sejak lima tahun lalu yang memerlukan penyelesaian jangka panjang untuk memastikan pengeluaran padi tempatan tidak terjejas.

Katanya, masalah dalaman itu tidak terasa sejak ia mula wujud, tetapi kesannya dirasai pada masa ini apabila sesetengah negara mengurangkan eksport beras.

Selain itu, Zainal Azman berkata, pertukaran jelang padi kepada penanaman beras pulut

turut memberi kesan kepada BPT.

Katanya, sebagai contoh di Langkawi, ada beberapa kawasan padi ditukarkan kepada penanaman beras pulut.

"Kita faham petani boleh mearih pendapatan lebih tinggi dengan menanam beras pulut berbanding padi, namun saya melihat ia secara tidak langsung memberi kesan kepada pengeluaran padi tempatan," katanya.

Jelasnya, kementerian tidak perlu bimbang berbelanja lebih besar bagi memastikan segala infrastruktur diperlukan untuk kawasan jelang padi negara disediakan dengan sempurna.

"Kerajaan juga perlu mempelbagaikan penyelidikan dan pembangunan (R&D). Kalau dulu Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) bertanggungjawab dalam menghasilkan benih padi baharu, namun kini mereka sudah senyap sebaliknya tugas itu diambil alih oleh pihak universiti," katanya.

Ditanya mengenai kemungkinan wujudnya kartel yang mendalangi isu beras, Zainal Azman berkata, beras kini hanya dimonopoli oleh Padiberas Nasional Berhad (BERNAS).

"Jadi di mana nak kata wujud kartel sebab sukar untuk mengatakan adanya kartel buat masa ini dan saya rasa tidak adil untuk menunding jari kepada BERNAS sahaja.

"Kita sudah ada satu monopoli, iaitu BERNAS, jadi di mana peranan kartel itu?" soalnya.

Apabila kita tak jaga dia (penanam, pengeluaran), dia tak jaga kitalah. Makna jaga itu ialah kita ambil tahu apa masalah mereka

Ahmad Hamzah, Bekas Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan



Kementerian tidak perlu bimbang berbelanja lebih besar bagi pastikan segala infrastruktur diperlukan untuk kawasan jelang padi negara disediakan sempurna

Zainal Azman Abu Seman, Bekas Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan



'Tiada belian panik redakan situasi'

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menegaskan situasi kekurangan bekalan beras putih tempatan (BPT) semakin reda berikutan trend pembelian panik mula menunjukkan penurunan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin, berkata meskipun dengan trend pembelian itu, keadaan pasaran minggu lalu bertambah baik.

"Tidak dinafikan bekalan beras belum pulih sepenuhnya berikutan kita masih terima aduan mengenai kekurangannya di pasar raya besar serta kedai, tetapi keadaannya (sekarang) semakin baik.

"Ja masih berlaku kerana bekalan daripada pembekal dalam

satu hari tidak dihantar banyak, jadi apa yang ada habis dibeli dalam masa singkat.

"Bagaimanapun situasi minggu ini berbanding sebelumnya semakin reda kerana trend pembelian panik tidak lagi begitu ketara, kerana jika sudah beli minggu lalu, minggu ini mereka tidak beli lagi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan sambutan Hari Rabies Sedunia di Hospital Veterinar Kuala Lumpur, Cheras di sini, semalam.

Foong Hin berkata, bekalan BPT berjaya distabilkan hasil usaha Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) meningkatkan kapasiti pengedaran beras tempatan daripada 400 tan sebulan kepada 1,100 tan bagi memenuhi keperluan rakyat

di negara ini.

Dalam perkembangan berkaitan, Foong Hin menafikan dakwaan Pengerusi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Pasir Salak Bangkit, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman yang mengatakan kekurangan beras disebabkan manipulasi bekalan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Tajuddin, semalam mendakwa situasi bekalan BPT terhad ketika ini berkemungkinan berpunca daripada 'tangan ghaib' yang mengambil kesempatan.

Mengenai gesaan pelbagai pihak supaya memecahkan monopoli padi dan beras yang dikuasai Padiberas Nasional Bhd (BERNAS), beliau berkata, setakat ini lesen import (AP) beras masih kekal dengan syarikat konsesi berkenaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/10/2023	UTUSAN MALAYSIA	FORUM	1

Perluaskan tanaman padi ke Sabah, Sarawak

SAUDARA PENGARANG.

MENGAMBIL kira bilangan penduduk dunia yang akan mencecah 9.7 bilion pada 2050, isu sekuriti makanan pada masa depan harus diberikan perhatian serius.

Dalam konteks Malaysia pula, negara sudah sekian lama memilih untuk menumpukan ekonomi berasaskan perindustrian. Pada 1980 terdapat 700,000 hektar kawasan tanaman padi dan jumlah itu semakin mengecil kepada 436,054 hektar sahaja pada tahun ini.

Lebih malang lagi terdapat hampir 120,000 hektar tanah yang terbiar dan tidak diusahakan. Pada waktu sama terdapat hampir 30,000 hektar kawasan padi ditukar menjadi kawasan industri dan perumahan.

Pada waktu ini, Malaysia memerlukan 1.8 juta tan beras untuk menampung keperluan rakyat. Tetapi, mengambil kira pertumbuhan penduduk pada kadar 2.1 peratus setahun, rakyat Malaysia akan menjadi 35.4 juta pada 2025 dan 39.1 juta pada 2030.

Ini akan memberi impak kenaikan ketara kepada keperluan beras negara di mana Malaysia memerlukan tambahan lebih dua juta tan sementara 2030 memerlukan 2.7 juta tan beras setahun bagi rakyatnya.

Secara mudah, pengeluaran beras negara perlu seiring dengan pertumbuhan populasi. Jika tidak, Malaysia akan terus bergantung kepada beras luar negara sekiranya tiada inisiatif untuk menambah pengeluaran beras dalam negara.

Kerajaan dicadangkan mengkaji strategi baharu dalam mengukuhkan pengeluaran beras negara seperti memperluaskan penanaman padi ke beberapa kawasan baharu yang berpotensi sebagai contoh di Sabah, Sarawak dan beberapa kawasan di Perak.

Kesimpulannya, industri beras adalah sangat penting yang seharusnya dititikberatkan oleh kerajaan. Beras adalah makanan ruji rakyat Malaysia. Apa gunanya kalau kita berbangga ada kereta nasional dan industri elektronik tetapi rakyat kekurangan barangan keperluan asas mereka.

ARIF MUSTAQIM MD. SALLEH
Kuala Lumpur



PADA waktu ini, Malaysia memerlukan 1.8 juta tan beras untuk menampung keperluan rakyat.
- UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

Isu beras: Cari penyelesaian berdaya tahan, kalis cuaca

Oleh **NURUL IRDINA SUMALI**
dan **AIMUNI TUAN LAH**
irdina.sumali@mediamail.com.my

PETALING JAYA: Langkah menggunakan beras import di semua agensi kerajaan seperti asrama sekolah, kem tentera dan hospital adalah penyelesaian jangka pendek dalam usaha meningkatkan bekalan beras tempatan di pasaran.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pakar keterjaminan makanan, Prof. Datin Paduka Dr. Fatimah Mohamed Arshad berkata, dalam masa sama, kerajaan perlu mencari alternatif yang mampu membawa kepada penyelesaian jangka panjang seperti menghasilkan sistem padi yang berdaya tahan.

"Kerajaan harus fokus kepada perubahan sistemik seperti meningkatkan produktiviti, bekalan padi dan beras agar bekalan sentiasa cukup untuk rakyat Malaysia terutama ketika berhadapan dengan ketidakstabilan cuaca yang boleh mempengaruhi penghasilan beras," katanya ketika dihubungi.



WALAU PUN pelbagai usaha dilakukan tetapi isu kekurangan beras putih tempatan masih gagal diatasi sepenuhnya oleh kerajaan.

Beliau mengulas laporan yang memetik Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu sebagai berkata, semua agensi kerajaan termasuk asrama sekolah mungkin akan menggunakan beras import sebagai langkah

meningkatkan bekalan beras tempatan di pasaran.

Dalam pada itu, Pengerusi Badan Bertindak Petani Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Che Ani Mat Zain mempersoal ke mana hilangnya bekalan beras tempatan yang

menyumbang sebanyak 63 peratus keperluan beras negara.

"Setahu saya, negara kita ke-luarkan lebih 63 peratus beras yang diperlukan. Sebenarnya ada isu bungkus beras kita sebagai beras import, itu yang jadi tidak cukup," katanya.

Katanya, kerajaan sepatutnya cakna dengan isu sebegini dengan meletakkan penguat kuasa untuk menghentikan kegiatan itu daripada terus berlarutan.

Sementara itu, di Gua Musang, penduduk di kawasan luar bandar terpaksa membeli beras putih import berikutan bekalan beras putih tempatan masih sukar diperolehi di pasaran.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, hanya beras putih import memenuhi rak tetapi dijual pada harga tinggi iaitu melebihi RM40 bagi 10 kilogram.

Seorang pengguna, Salmah Fauzi, 39, berkata, dia terpaksa membeli beras import walaupun harganya agak mahal kerana itu sahaja yang ada ketika ini.

Dia mengakui kos belanja bulanan kini meningkat berikutan kenaikan harga beras.

Beras RM1 laris, selesai edar hanya setengah jam

KANGAR: Beras seberat lima kilogram dijual pada harga RM1 mendapat sambutan memberangsangkan daripada orang ramai yang sanggup beratur panjang bagi mendapatkan bekalan tersebut.

Menariknya, semua beras itu juga selesai di-edarkan kepada orang ramai hanya dalam masa kira-kira 30 minit.

Pengasas Yayasan Misi Rakyat, Nur Ahmad Faiz Mohd Azmi, 32, berkata, pihaknya mula mengedarkan beras berkenaan bermula pada pukul 9 pagi namun orang ramai telah mula beratur sejak awal pagi bagi mendapatkan kupon.

"Kita telah mengagihkan sebanyak 1,000 kupon kepada orang ramai dan beras berkenaan mula diedarkan bermula pada pukul 9 pagi.

"Semua beras selesai diagihkan hanya dalam masa setengah sahaja dan mendapat sambutan amat memberangsangkan," katanya selepas mengedarkan beras berkenaan di Pusat Transformasi Bandar (UTC) Food Cabin, di sini, semalam.

Ahmad Faiz berkata, beras juga diagihkan oleh kira-kira 40 orang penghantar makanan Misi dari Perlis dan Kedah bagi melancarkan perjalanan program tersebut.

Katanya, tujuan inisiatif itu dilaksanakan adalah bagi membantu golongan kurang berkemampuan membeli beras dengan harga murah.

"Beras-beras yang dijual ini juga diambil daripada pembekal sekitar negeri ini bagi membantu mengurangkan bebanan golongan kurang berkemampuan," katanya.

Dalam pada itu, Ahmad Faiz berkata, pihaknya juga sememangnya telah memperuntukkan sebanyak 100 kampit beras buat golongan asnaf bagi mendapatkan bekalan tersebut menerusi program berkenaan.

4TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/10/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2

Minda Pengarang

MOHAMAD AZLAN JAAFAR



Apabila beras akhirnya tiada

PADA 28 Ogos lalu penulis mencoretkan mengenai kealpaan kita yang menganggap bahawa makanan utama seperti beras, roti dan gula akan sentiasa terhidang di atas meja.

Cukup sebulan, Malaysia bergelut dengan krisis kecil mengenai kekurangan beras tempatan. Apa yang menarik bekalan beras tidak pernah tidak cukup di negara ini.

Sebaik sahaja harga beras import dinaikkan maka beras putih tempatan seperti dimamah tentera tikus, bekalan merudum dan pengguna dinafikan beras murah. Ada pengilang dikatakan lebih cenderung menjual beras import kerana margin keuntungan lebih tinggi.

Ada mendakwa beras tempatan dibungkus semula seperti beras import. Ada berpendapat golongan tertentu menyorok beras tempatan untuk memaksa kerajaan menaikkan harga keluaran tempatan supaya keuntungan lebih tinggi.

Untuk rekod, harga beras telah meningkat ke paras tertinggi dalam 13 tahun. Kenaikan tidak dapat dielakkan dan ia bukan salah kerajaan. Begitu juga bagaimana kerajaan tidak dapat mengawal harga minyak mentah dunia, gula mentah dan gandum.

Kerajaan melaksanakan pelbagai usaha termasuk terbaharu menggunakan beras import untuk fasiliti kerajaan seperti kem tentera dan hospital bagi meredakan tekanan terhadap beras tempatan.

Jualan Rahmah diadakan bagi membolehkan masyarakat mendapatkan beras tempatan pada harga ditetapkan.

Apa yang menjadikan keadaan semasa lebih menekan adalah barangan lain turut naik. Sebuah syarikat pembuat roti diminta memberi penjelasan kenapa barangan lain keluarannya yang bukan barang kawalan dinaikkan harga. Bila pula Kementerian campur tangan dalam operasi perniagaan sehingga mahu mengetahui secara terperinci kos pengeluaran sesuatu barangan.

Adakah kita menanam gandum untuk dibuat mi apabila harga gandum telah naik. Jika itu menjadi satu langkah normal, Kementerian itu harus menggaji 10,000 orang untuk meminta semua syarikat memberi penjelasan apabila setiap kali setiap barang atau perkhidmatan dinaikkan.

Contoh paling nyata harga roti yang dijual di kedai biasa adalah tertakluk sebagai barang kawalan. Roti yang dikeluarkan bakeri dan dijual di pusat beli-belah tidak dikawal. Di mana keadilan dalam perniagaan?

Masalah kekurangan dan kenaikan barang seperti beras disebabkan terdapat dua kasta harga. Harga keluaran tempatan dikawal manakala yang diimport ditetapkan pada harga lebih tinggi. Ia tidak menjadi masalah jika keluaran tempatan mengatasi permintaan. Dalam isu beras, keluaran negara tidak sampai 70 peratus dan perbezaan harga ini menyebabkan ia mudah dieksploitasi.

Perkara sama berlaku kepada gandum, minyak paket, gula, minyak dan gas petroleum cecair. Ia murah kerana dikawal harga atau disubsidi.

Pemberian subsidi atau kawalan harga mendedahkan negara kepada penyeludupan atau tindakan membungkus semula sebagai barangan bukan subsidi untuk meraih keuntungan lebih tinggi.

Masalah ini akan berterusan selagi kewujudan dua kasta barangan, harga dikawal walaupun kos sebenar jauh lebih tinggi dan subsidi dianggap tiket mendapatkan sokongan setiap lima tahun. Pokok yang akarnya terlalu dalam tidak akan mati sebanyak mana rantingnya dicantas. Begitu juga subsidi, rasuah, dan kawalan harga.

Mohamad Azlan Jaafar adalah Pengarang Kumpulan Media Mulia Sdn. Bhd.

Headline	Sasar 40,000 anjing terima vaksin		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	02 Oct 2023	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	19	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	97 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,821
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,464



Sasar 40,000 anjing terima vaksin

Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) menasarkankan 40,000 anjing di seluruh Sarawak mendapatkan vaksinasi tahun ini bagi mengekang penularan penyakit rabies.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Chan Foong Hin berkata, 27,668 anjing di negeri berkenaan mendapatkan suntikan vaksin penuh termasuk dos booster sehingga 7 September lalu.

Menurutnya, Sarawak

belum bebas dan berada dalam fasa endemik penyakit itu, namun beliau yakin ia dibanteras sepenuhnya menjelang 2030 sekali gus membebaskan negara daripada rabies dengan pembabitian semua pihak.

Katanya, susulan itu pihaknya melalui JPV sentiasa komited dan giat melaksanakan kempen kesedaran penyakit berkenaan di seluruh negara tidak hanya di Sarawak.

"Sebanyak 949 anjing dan

kucing di Sarawak dijangkiti rabies bagi 2017 hingga tahun ini, manakala bagi kes menjangkiti manusia bagi tempoh sama adalah 72 kes dan menyebabkan 65 kematian.

"Justeru penyakit ini tidak boleh diambil ringan dan semua pihak perlu sedar mengenainya. KPKM melalui JPV dengan kerjasama pelbagai pihak berusaha keras mencegah, mengawal dan membasmi penyakit itu," katanya.

Headline	Owners are urged to provide their pets with Rabies vaccination		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	02 Oct 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A4b	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	146 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,637
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,911



陈泓缜在现场也与狗狗进行互动。

【吉隆坡 1 日讯】我国尚未摆脱狂犬病威胁，政府呼吁狗主人为饲养犬接种疫苗，放眼 2030 年全面消除本土狂犬病。

农业及粮食安全部副部长陈泓缜披露，回顾历史，马来半岛的多个州属曾于 2015 年爆发狂犬病，惟在兽医局的努力下 2019 年才成功阻断病毒传播。

“根据资料，1952 年吉隆坡曾爆发狂犬病，因而催生兽医局及国家狂犬病控制计划，要求对所有犬类接种疫苗，并清除流浪狗，最终于 1954 年成功控制，吉隆坡也彻底摆脱受到狂犬病的威胁。”

“不幸的是，2015 年我国再次爆发狂犬病，影响了玻璃市、吉打、檳城，紧接着 2017 年和 2019 年霹靂、玻璃市和吉打陆续通报有狂犬病感染病例。”

“不过，这些狂犬病例都在 1 至 3 个月内成功控制，并没有通报人类感染的病例。”

他说，尽管马来半岛已经摆脱狂犬病的威胁，但东马砂拉越的狂犬病例却攀升，短短 7 年间就有 65 人因感染狂犬病离世。

“自 2017 年至 2023 年，砂拉越共有 949 只动物受到狂犬病影响，包括狗和猫。同期，砂州通报 72 宗狂犬病例，导致 65 人死亡。”

陈泓缜今日（1 日）是在吉隆坡兽医局，为 2023 年世界狂犬病日活动开幕时表示，犬类是导致人类感染狂犬病死亡的主要原因，因此无论是狗主人或饲养犬都有必要接种狂犬病疫苗。

他提醒，狂犬病是人类已知最古老和最可怕疾病之一，全球每年有近 6 万人因感染狂犬病丧命，因此国人绝不能轻视狂犬病，需要通过提高警觉和防治措施，来阻断病毒传播。

“因此，为了我们的家人免受动物传播疾病的威胁，请为您的宠物接种疫苗。”

“政府希望 2030 年马来西亚能够完全消除狂犬病，惟实现此愿景仍需要非政府组织与全民的力量。”

另一方面，陈泓缜在较后的记者会上，受询政府会否实行全民接种狂犬病疫苗时表示，接种狂犬病疫苗属自愿性质，惟会在高风险区域鼓励当地居民积极接种疫苗。#

吁狗主为养犬接种疫苗 陈泓缜：我国未摆脱狂犬病威胁